

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 MAC 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Advance TC sasar jual 500,000 Magic Zlate 11	Sinar Harian
2	Bukan minyak pesawat MH370	Kosmo
3	Tompok minyak bukan milik MH370	Utusan Malaysia
4	Tompok minyak milik tongkang	Harian Metro
5	Belum ada petunjuk	Harian Metro
6	Oil slick not from missing	The Star
7	Oil Slick not from MH 370	New Straits Times
8	Search operations widen	The Malay Mail
9	MH370: Keputusan sampel minyak dijangka diperoleh selewat-lewatnya petang	Bernamea.com
10	Media tempatan mula berkumpul di pangkalan APMM Tok Bali	Bernamea.com
11	Tompokan di Laut China Selatan bukan minyak pesawat - APMM	Bernamea.com
12	Pembenihan awan akan dibuat hari ini	Sinar Harian
13	Cloud seeding to continue	The Malay Mail
14	Haze to remain under control if no forest fire	The Malay Mail
15	Unhealthy air readings recorded in five towns	The Star
16	Jerebu: Proses pembenihan awan akan dilaksanakan esok	Bernamea.com
17	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga rabu ini	Bernamea.com
18	Bantu syarikat bumiputera	Harian Metro
19	RM 200 juta bantu syarikat bumiputera	Berita Harian
20	PM Najib umum dana RM 200 juta bantu syarikat bumiputera	Bernamea.com
21	Wanita minat jadi saintis	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 56**  
**TARIKH: 11 MAC 2014 (SELASA)**



Abu Bakar (kanan) menunjukkan komputer Magic Zlate 11 sambil diperhatikan Cheng Peng (dua, kiri).

## Advance TC sasar jual 500,000 Magic Zlate 11

ADVANCE Tech Communications Sdn Bhd (Advance TC) menyasarkan jualan sebanyak 500,000 unit dengan nilai RM850 juta bagi produk baharu Magic Zlate 11, menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Loi Cheng Peng berkata, buat permulaan antara 100,000 ke 200,000 unit akan mula dijual di semua cawangan Courts Malaysia seluruh negara.

Manakala 200,000 unit lagi dijual melalui Gabungan Koperasi Universiti Bhd (Gakub) yang mempunyai 13 ahli di universiti utama di negara ini.

"Selain pasaran tempatan, kami insai peluang menembusi pasaran global terutama negara rantau Asia sebelum menerokai pasaran Eropah dijangka tahun depan," katanya dalam sidang media Majlis Pelancaran Magic Zlate 11 di Courts Megastore, Bandar Sri Damansara, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Menurut Cheng Peng, produk dibangunkan oleh syarikat tempatan itu boleh didapati bermula April ini.

Tempahan bagaimanapun boleh dibuat mulai Jumaat lalu sehingga 31 Mei depan.

"Magic Zlate 11 adalah produk pertama dilancarkan di bawah inisiatif ini, dan 39 produk lagi bakal diperkenalkan dalam tempoh terdekat," katanya.

Magic Zlate 11 adalah produk hibrid Ultrabook Tablet dua dalam satu dengan perisian Intel Qual-core dan Quad-core CPU terkini serta Windows 8.1, pada harga RM1,899 dan RM2,199 sebelum rebat (rebat bernilai RM250).



KERATAN AKHBAR  
KOSMO : MUKA SURAT 07  
TARIKH: 11 MAC 2014 (SELASA)

Jabatan Kimia sahkan penemuan di Laut China Selatan adalah bahan bakar untuk tongkang

## Bukan minyak pesawat MH370



KESAN tumpukan minyak yang ditemui pasukan APMM di perairan Laut China Selatan berdekatan Tok Bali, Pasir Putih kelmarin dipercayai bahan api tongkang, bukannya minyak pesawat Penerbangan Malaysia.

**PASIR PUTEH** - Keputusan analisis kimia terhadap tumpukan minyak berwarna kuning yang ditemui Maritim Malaysia (APMM) kelmarin mendapati ia adalah bahan bakar yang digunakan tongkang dan bukan minyak pesawat MH370 yang hilang sejak Sabtu lalu.

Ketua Penguat Kuasa APMM Wilayah Maritim Timur, Datuk Nasir Adam berkata, keputusan itu dikeluarkan oleh Jabatan Kimia Petaling Jaya yang diterima pihaknya pada pukul 5 petang semalam.

"Keputusan adalah negatif. Sampel tersebut dikategorikan minyak bahan bakar yang digunakan tongkang dan bu-

kan oleh mana-mana pesawat udara," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Kelmarin, APMM menemui tumpukan minyak kekuningan pada pukul 11.30 pagi di perairan Laut China Selatan berdekatan Tok Bali, Pasir Putih iaitu kira-kira 20 batu nautika di selatan tempat pesawat MH370 dilaporkan hilang.

Sampel minyak itu yang diambil pada pukul 1.30 petang kelmarin telah diserahkan kepada Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk dianalisis.

Dalam pada itu, Ketua Pengerah Jabatan Penerbangan Awam, Datuk Azharuddin Abdul Rahman berkata, objek yang pada mulanya disangka ekor kapal terbang yang di-

kesan di Laut China Selatan sebenarnya hanyalah beberapa batang kayu yang diikat untuk membentuk sebuah pontun.

"Terdapat laporan bahawa bahagian pesawat MH370 dijumpai oleh beberapa agensi penyelamat.

"Bagaimanapun, laporan itu tidak disahkan secara rasmi oleh pihak berkuasa Vietnam, malah kapal yang dikerah ke situ hanya menemui kayu yang diikat," katanya.

Menurutnya, sehingga semalam, tiada sebarang pengesahan bahawa serpihan pesawat berkenaan dijumpai mana-mana agensi yang menyertai operasi mencari dan menyelamat.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA : MUKA SURAT 06**  
**TARIKH: 11 MAC 2014 (SELASA)**

# Tompok minyak bukan milik MH370

PASIR PUTEH 10 Mac - Tompokan minyak yang ditemui Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kira-kira 36 kilometer dari lokasi pesawat MH370 dilaporkan hilang semalam, disahkan bukan daripada pesawat tersebut.

Ketua Penguat Kuasa Maritim Malaysia Wilayah Timur, Laksamana Pertama Datuk Nasir Adam berkata, perkara itu disahkan selepas keputusan analisis tompokan mi-

nyak berkenaan dikeluarkan oleh Jabatan Kimia di Petaling Jaya pada pukul 5 petang ini.

"Keputusan analisis itu adalah negatif iaitu bukan daripada pesawat MH370.

"Sampel itu dikategori sebagai bahan bakar untuk kegunaan tongkang atau kapal laut dan bukannya pesawat udara," katanya dalam sidang akhbar di Pelabuhan Maritim Malaysia Tok Bali, di sini hari ini.

Semalam, Maritim Malaysia di-

laporkan menemukan beberapa tompokan minyak semasa menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan di perairan Laut China Selatan.

Tompokan tersebut dikesan kira-kira pukul 11 pagi selepas agensi berkenaan memulakan operasi selama lima jam.

Dalam perkembangan berikatan, Nasir memberitahu, operasi mencari dan menyelamatkan membatkan Maritim Malaysia hari ini

meliputi kawasan seluas 2,700 kilometer persegi dengan tumpuan diberi kepada lokasi penemuan tompok minyak serta selatan perairan Besut.

"Operasi hari ini turut melibatkan pesawat CL415 jenis Bombardier yang terbang di ketinggian 1,200 kaki selama kira-kira lima jam bermula pukul 10.45 pagi ini. Bagaimanapun sehingga petang, tiada petunjuk baharu ditemui," katanya.

## Penemuan objek dikaitkan dengan pesawat MH370



### ■ Tompokan minyak berwarna kuning

**Waktu penemuan:** 11 pagi 9 Mac 2014.

**Lokasi:** Kira-kira 20 batu nautika dari lokasi MH370 dilaporkan terputus hubungan di perairan Laut China Selatan.

**Hasil sebenar penemuan diumumkan:**

5 petang 10 Mac 2014.

Bahan bakar untuk kegunaan tongkang atau kapal laut.

### ■ Serpihan pintu pesawat

**Waktu Penemuan:** Waktu malam 9 Mac 2014.

**Lokasi:** Barat daya Pulau Tho Chu, perairan Vietnam.

**Hasil sebenar penemuan diumumkan:**

2 petang 10 Mac 2014.

Seikat kayu yang kelihatan seperti pontun.

### ■ Bot penyelamat berwarna kuning

**Waktu penemuan:** Waktu pagi 10 Mac 2014.

**Lokasi:** 130 kilometer barat daya nautika barat daya Pulau Tho Chu, perairan Vietnam.

**Hasil sebenar penemuan diumumkan:**

6 petang 10 Mac 2014.

Bekas pembalut kabel yang berlumut.



**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 10 MAC 2014 (SELASA)**

## **Tompokan minyak milik tongkang**

**Pasir Puteh:** Tompokan minyak kekuningan yang ditemui kira-kira 100 batu nautika dari Tok Bali kelmarin bukan minyak pesawat MAS MH370, sebaliknya bahan bakar digunakan tongkang yang mungkin melalui kawasan itu.

Ketua Penguat Kuasa Wilayah Timur Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Datuk Nasir Adam berkata, hasil ujian dibuat Jabatan Kimia di Petaling Jaya mendapati tompokan minyak itu bukan minyak pesawat.

"Sampel minyak itu diuji Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor dan kami menerima keputusannya jam 5 petang tadi (semalam) selepas ia dibawa pulang oleh Ketua Pengarah APMM, Laksmana Maritim Datuk Mohd Amdan Kurish, malam tadi," katanya.



# KERATAN AKHBAR

## HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 3

### TARIKH: 10 MAC 2014 (SELASA)

Harian Metro

SELASA  
11 MAC 2014

Setempat

3

Oleh Hayati Ibrahim, Hairul Azim Mahmud, Siti Fatimah Hassan, Amir Abd Hamid, Mohd Husni Mohd Noor, Iskandar Shah Mohamed, Mohd Firdaus Ibrahim, Kalidevi Mogan Kumarappa, Asmah Rusman, Gaddafi Musli, Suraya Roslan, Muhaamad Hafis Nawawi, Mohd Hilmie Hussin Yuzmizal Dolah Aling, Rosyahida Abdullah, Muhammad Saufi Hassan, Fazurawati Che Lah, Wahi Aziz, Siraj Mohd Zaini, Nurul Huda Kosnon dan Ikram Ismail Mahaizura Abd Malik, Fardy Bungga, Ainul Fatimah Mansor, Nur Saliawati Salberi, Mohamad Azim Fitri Abd Aziz, Raja Puteri Nabihah Raja Ayub, Adnan Mohamad, Syazwan Msar, Amir Mamat, Azlan Hafeedz dan Nor Aminah Alias  
am@mediaprima.com.my

# Belum ada petunjuk

## Operasi SAR MH370 diperluas 100 batu nautika dari Igar



Operasi mencari dan menyelamat MH370 diperluas sehingga 100 batu nautika dari bahagian Igar (sempadan Vietnam-Malaysia) mulai hari ini berikutan tiada sebarang petunjuk yang boleh membawa kepada penemuan pesawat itu.

Berikut sedutan sidang media harian mengenai perkembangan kehilangan MH370.

■ Sidang media jam 12 tengah hari

**Isu pasport curi**  
(Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Datuk Azharuddin Abdul Rahman)

DCA kini menjalankan siasatan terperinci berhubung dua individu yang menaiki pesawat menggunakan pasport curi.

Kes berkenaan kini disiasat pasukan penyiasat khas terdiri daripada pakar bidang berkenaan termasuk siasatan lanjut berhubung rakaman video penumpang yang dikenal pasti itu.

Kami akan memaklumkan kepada media selepas mendapat butiran laporan siasatan kes berkenaan.

**Isu lima bagasi dibawa keluar dari pesawat**

Tiada penemuan bahan terlarang ditemui pada lima bagasi yang dikeluarkan dari pesawat apabila pemiliknya tidak menaiki pesawat.

Kami sudah memeriksa bagasi berkenaan untuk siasatan lanjut.

**Isu kemungkinan pesawat dirampas**

Perkara itu belum dapat dibuktikan lagi, namun kami tetap melihat pelbagai aspek.

Bukti kukuh diperlukan mengenai dakwaan kemungkinan itu. Justeru, pesawat perlu dikesan terlebih dahulu.

Kami faham pihak media mahukan data dan maklumat terperinci dan kami juga memerlukan perkara sama untuk mencari pesawat itu. Saya harap semua pihak

bersabar kerana petugas sedang menjalankan tanggungjawab (mengenai pesawat) di pusat kawalan, di udara dan di laut menggunakan aset sedia ada di semua lokasi sasaran.

**Situasi operasi mencari dan menyelamat terkini**  
Jabatan Penerbangan Awam (DCA) tidak meletakkan tempoh masa tertentu dalam operasi mencari dan menyelamat pesawat malah, tumpuan siasatan turut mengambil kira pelbagai isu.

Sejak hari pertama pesawat hilang dari radar secara tiba-tiba, kami belum menerima sebarang isyarat telekomunikasi daripada pesawat berkenaan.

Kami juga belum dapat menemui punca mengapa pesawat hilang dari radar secara tiba-tiba.

Pada masa sama, pasukan mencari dan menyelamat turut mengulangi carian di kawasan terdahulu namun, tiada penemuan dan petunjuk ditemui.

Kami belum menemui sebarang petunjuk dan bukti kukuh mengaitkan sebarang penemuan pesawat MH370 yang hilang Sabtu lalu.

Biarpun operasi mencari dan menyelamat (SAR) sudah diperluaskan, namun sebarang petunjuk baru belum lagi ditemui sejak operasi bermula 60 jam lalu.

Operasi turut diperluas dari Igar (lokasi terakhir dikesan radar) termasuk carian baru di perairan Selat Melaka termasuk dibantu lebih 1,000 anggota pasukan keselamatan dari pelbagai negara.

**Isu kemungkinan tahap keselamatan longer di KLIA**  
Tidak wujud soal kelengkapan tahap keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kerana ia diakui terjamin dan diperakui dunia.

Lapangan terbang KLIA diaudit dan terbukti mematuhi standard Program Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan serta Pentadbir Keselamatan Pengangkutan Amerika Syarikat dan agensi sama di Australia.

**Isu penemuan serpihan objek seakan-akan pintu pesawat**

Kami mengesahkan objek seakan-akan ekor pesawat

yang dikesan di perairan Vietnam semalam (kelmarin) namun, siasatan mendapati ia kayu yang terikat bersama seperti pontun.

■ Sidang media jam 4 petang

**Hasil pertemuan dengan delegasi serta pasukan khas yang dihantar kerajaan China ke Malaysia**

(Soalan ini dijawab Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein)

Sekumpulan delegasi khas yang dihantar Kerajaan Republik China (PRC) tiba di Malaysia pagi semalam bagi membantu berhubung tiga perkara berkaitan insiden kehilangan pesawat MH370.

Tiga perkara itu adalah menyokong membantu dalam operasi mencari dan menyelamat; isu siasatan identiti penumpang menggunakan pasport palsu dan menyelaraskan urusan keluarga penumpang rakyat China yang dibawa ke negara ini.

Kehadiran pasukan khas itu tiada kaitan dengan perbincangan lanjut mengenai satu kumpulan yang mendakwa mengaku bertanggungjawab insiden nahas itu.

Dakwa itu tidak dibincangkan dengan delegasi berkenaan sebaliknya hanya tiga perkara itu saja.

Perbincangan itu dilakukan antara wakil bagi kementerian berkepentingan dan wakil parti politik di China.

Kehadiran delegasi itu hasil perbincangan kedua-dua pemimpin negara dua hari lalu.

**Dakwa dua identiti pasport palsu membeli tiket penerbangan menerusi Southern China Airlines dan transit menaiki pesawat MH370 sekali gus memberi imej buruk kepada MAS.**

(Soalan dijawab Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MAS Ahmad Jaahar Yahya)

Dakwa itu kini di bawah siasatan.

(Hishammuddin) Saya sudah berbincang dengan agensi risikan antarabangsa untuk mengesan identiti penumpang itu malah, maklumat biometrik, jantina, latar belakang dan tarikh lahir sudah diberikan kepada pasukan itu untuk siasatan lanjut.

Jadi, kami berikan masa kepada mereka (pasukan risikan) untuk mereka lakukan siasatan.

Katanya, maklumat berkaitan rakaman video dan pergerakan individu berkenaan juga sudah diserahkan kepada pasukan risikan untuk siasatan.

Gambar penumpang menggunakan pasport palsu itu akan didedahkan dalam masa terdekat kepada media untuk membantu siasatan.

**Isu dakwaan kerajaan China tidak puas hati dengan siasatan pesawat MH370**

(Hishammuddin) Perkara itu tidak benar, sebaliknya kerajaan China berpuas hati dengan siasatan dan operasi mencari dan menyelamat setakat ini.

**Perkembangan operasi mencari dan menyelamat**  
Bantuan dari negara jiran dan negara lain amat membarangsangkan setakat ini.

Penyelarasan operasi ini bukan sesuatu yang mudah, tetapi saya berpendapat siasatan insiden ini amat pantas dan diharapkan akan datang dapat memberikan hasil positif.

Pada masa sama, saya merayu pihak media tidak menyebarkan khabar angin supaya tiada gangguan terhadap siasatan serta operasi mencari dan menyelamat selain perlu menjaga hati pihak keluarga mangsa.

Itu ryaun saya untuk mewakili pihak keluarga serta pasukan mencari dan menyelamat.

Tiada apa yang kita sembangkan melalui sidang media secara berterusan. Bantuan mencari dan menyelamat menerima sebuah pesawat Orient dari kerajaan Australia.

**Dakwa nelayan tempatan melihat pesawat terbang rendah di sekitar 140 batu nautika dari Pulau Tho Cu, Vietnam.**

Kami sudah menghantar kapal ke kawasan itu namun,



setakat ini belum ada reaksi dan maklum balas terkini.

**Laporan mendakwa kumpulan Briged Jihad China mengeluarkan kenyataan terbuka kepada media di negara China untuk mengaku bertanggungjawab terhadap insiden itu.**

Pasukan penyiasat melakukan siasatan terhadap perkara itu.

Saya sudah melihat kenyataan terbuka itu, tetapi saya tak boleh mengiyakan dakwaan, apa pun siasatan perlu dilakukan.

**Persoalan insiden sama ada dikaitkan dengan perbuatan sabotaj atau kemalangan.**

Sukar bagi kami untuk mengatakan insiden itu perbuatan sabotaj atau kemalangan selagi pesawat belum dijumpai.

■ Sidang media terakhir jam 8 malam

**Perkembangan operasi mencari dan menyelamat**

Kawasan mencari dan menyelamat diperluas sehingga 100 batu nautika dari bahagian Igar (sempadan Vietnam-Malaysia) mulai esok (hari ini) berbanding 50 batu nautika sebelum ini.

Manakala, operasi mencari dan menyelamat di perairan pantai barat pula diperluas sehingga ke utara Sumatera, Indonesia.

Keperluan meluaskan operasi kerana faktor kemungkinan pesawat MH370 tersasar dari laluan. Setiap aset diletakkan di

blok ditetapkan kerana liputan carian semakin meluas.

Kita tidak tahu secara tepat apa jadi dengan pesawat itu sebaliknya SAR menggunakan kaedah saintifik dan forensik bukannya berdasarkan penemuan objek dan teori yang digembar-gemburkan.

**Isu identiti pasport curi**  
Siasatan kini terarah kemungkinan ada pembabitin sindiket mencuri pasport.

Mengikut rakaman video individu yang menggunakan pasport curi itu bukanlah berwujud Asia.

Ditanya wartawan apa yang dimaksudkan bukan berwujud Asia - Anda kenal tak Balotelli? (Mario Balotelli, pemain bola sepak terkenal Itali). Wajah mereka kelihatan seperti Balotelli.

**Dakwa penemuan serpihan dan tumpahan minyak di perairan selatan Hong Kong dan timur Saigon (Ho Chi Minh)**

(Soalan ini dijawab Timbalan Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Datuk Ahmad Puzi Abdul Kahar)

Operasi selama lebih 20 jam menggunakan empat helikopter menemui tumpahan minyak dan sudah membawa sampel ke Jabatan Kimia Malaysia tetapi analisis mendapati bukan minyak pesawat MH370.

Ketika memantau perairan itu, turut menemui objek berupa kanvas oren dan bukannya jaket keselamatan seperti dakwaan pihak tertentu.



## Oil slick not from missing plane

Results confirmed by chemistry dept show it's from passing ships, says MMEA

**PASIR PUTEH:** The sample of oil slick recovered off the coast of Tok Bali, Kelantan, is not oil from the missing MH370 plane, said the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA).

The agency's eastern region enforcement chief Datuk Nasir Adam said test results showed that it was "bunker" oil from passing ships.

"The oil slick is from bunkering activities and not from an aircraft," said Nasir at the agency's base in Tok Bali yesterday.

The result was confirmed by the **Chemistry Department.**

On Sunday, the MMEA's search

team found a 16km-long "yellowish" oil slick about 20 nautical miles south of the last point of contact of the plane.

Nasir, who led the MMEA's search and rescue operations, said there was still no clue to indicate the location of the missing aircraft.

"Our search sectors today are closer to the coast of Besut and we did not find any clue," he said.

In **Kuala Lumpur**, Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak said New Zealand had come forward to offer its maritime surveillance aircraft for search and rescue operations.

He said he had received a fax yes-



terday from his New Zealand counterpart John Key, offering the use of their P-3C Orion maritime surveillance aircraft.

"Malaysia accepts the offer and the plane will be used immediately to assist in the joint operations," he said after chairing the Bumiputera

Economic Council meeting yesterday.

Najib also announced that he had cancelled his three-day trip to Mauritius to join its independence day celebrations.

In **Putrajaya**, Department of Civil Aviation director-general Datuk Azharuddin Abdul Rahman said the search and rescue radius for the missing plane would be expanded to 100 nautical miles from the point it disappeared.

"It is in line with intensifying our search for the airplane," he said.

The search would now cover part of the northern Straits of Malacca,

over land in peninsular Malaysia as well as the waters between Malaysia and Vietnam.

He said the search was being widened due to the possibility of MH370 making a flight "turn-back".

Meanwhile, Agriculture and Agribased Industry Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said fishermen operating the 1,788 vessels in the South China Sea had been asked to help in the search for the plane.

He said the fishermen from Kelantan, Terengganu, Perlis, Perak and Penang had been told to report sightings of unusual objects in the sea to the ministry.

## 'Oil slick not from MH370'

**PASIR PUTIH:** The oil slick found by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) on Sunday about 100 nautical miles off Tok Bali here was not from the missing Malaysia Airlines plane.

MMEA eastern region enforcement chief First Admiral Datuk Nasir Adam said the conclusion was based on the result of analysis obtained by the agency yesterday.

"After receiving the results from the Chemistry Department, which conducted an analysis of the oil slick discovered off Tok Bali, it is confirmed that the test result is negative.

"The traces of oil do not belong to the missing airliner. The oil spill is from one of the barges operating at sea," he said at the MMEA base here.

The Eastern Region MMEA has deployed seven assets and 150 personnel to join the search and rescue.

Nasir said the agency's operation along the east coast would be carried out non-stop until it received new directives from headquarters.



# Search operations widen

Investigations zoom in on stolen passport syndicate

THREE days have passed since the Malaysia Airlines (MAS) Flight MH370 was last contacted. Here is a round-up of what transpired yesterday.

Monday, March 10, 2014

**7.35am:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) sent samples of an oil slick found in the South China Sea, about 100 nautical miles from Tok Bali, Kelantan, to the **Chemistry Department** in Petaling Jaya. The 20 employees of Freescale Semiconductor who were on the MH370 flight "were people with a lot of experience and technical background," says Mitch Haws, vice-president, global communications and investor relations for Freescale Semiconductor. "It's definitely a loss for the company."

**8:11am:** A video clip of a man dialing the number of his elder brother was shown on a Beijing television news bulletin. The call got connected, but no one picked up. He made three phone calls.

**9.30am:** An internal probe will be conducted on KL International Airport immigration officers to find out why there were no questions about Italian and Austrian passengers with Asian facial features, Home Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi said.

**10.40am:** MAS has given initial financial assistance to all families "over and above their basic needs". More families expected in KL. The airline will provide families travel facilities, accommodation, meals, medical and emotional support.

**11.50am:** Vietnamese searchers say they cannot find the rectangular object — thought to be one of the doors of MH370



SITUATION UPDATE: Hishammuddin briefs the media during a press conference yesterday

— that was spotted on Sunday afternoon.

**12.15pm:** DCA director-general Datuk Azharuddin Abdul Rahman says no "concrete evidence" of foul play. Reports of an object spotted by the Vietnamese, believed to be a door of the aircraft, on Sunday, not officially verified by Vietnam officials, the Department of Civil Aviation says. No debris seen after 60 hours. On a group from China claiming responsibility, DCA says it is a security issue and the claim is being investigated. Representatives from the US National Transport Safety Board (NTSB) and the UK Air Accidents Investigation Branch (AAIB) are in Malaysia.

**2.25pm:** A video shows how the missing aircraft may have "disintegrated in mid-air," a possible theory behind the disappearance of MH370.

**3.04pm:** A veteran Malaysian military and commercial pi-

lot says with radar and transponder information alone, investigators would be able to tell if the plane blew up in mid-air.

**4.40pm:** Authorities verify reports of a sighting of what looks like an inverted life raft in the sea. Ships sent to investigate. New Zealand is the latest country to join search and rescue efforts, with a Lockheed P-3 Orion aircraft. Search and rescue operations have been extended and expanded in the west coast.

Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin says allegations, especially of claims made by Chinese Martyr's Brigade taking responsibility, will be investigated, but the primary focus is to locate the missing aircraft. Pictures of passengers using stolen passports have been released to international intelligence agencies that have access to information such as biometrics, dates of birth, fingerprints, etc. Security in Malaysian airports remains the same as the government is not treating this as a security

threat yet.

**5.00pm:** Analysis of oil slick reveals it is not aviation fuel but from ship bunkering activities.

**5.30pm:** Lost Malaysian passports are reported to the Immigration Department but the information is not necessarily shared with Interpol, a Foreign Affairs Ministry source says.

**5:50pm:** Local celebrities have joined in the outpouring of grief and sympathy for the passengers of flight MH370.

**6:24pm:** Floating object spotted in ocean turns out to be cable reel and not life raft. Pictures of passengers on stolen passports to be released soon.

**8.21pm:** Azharuddin says authorities are investigating the possibility the two dubious passengers are part of a stolen passport syndicate. He says the search radius has been extended to 100 nautical miles.





## MH370: Keputusan Sampel Minyak Dijangka Diperoleh Selewat-lewatnya Petang

PETALING JAYA, 10 Mac (Bernama) -- Hasil keputusan ujian sampel tompokan minyak yang ditemui di Laut China Selatan semalam dijangka diperoleh selewat-lewatnya petang ini.

**Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Ahmad Ridzuan Ibrahim** berkata jabatan itu menerima sampel minyak tersebut daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), pukul 9.40 pagi Isnin untuk dianalisis.

Jabatan berkenaan, katanya, akan memberi keutamaan sepenuhnya dalam menganalisis 1.5 liter sampel minyak itu.

"Sampel itu akan melalui tiga prosedur bagi mengenal pasti sama ada bahan tersebut mengandungi kerosine (bahan bakar pesawat) atau tidak," katanya kepada Bernama ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Ahmad Ridzuan berkata tiga prosedur utama akan dijalankan bertujuan memastikan sampel minyak tersebut mengandungi 'mineral oil' yang boleh diklasifikasikan sebagai bahan bakar pesawat.

Beliau berkata tiga prosedur itu membabitkan ujian pertama iaitu memastikan sama ada sampel tersebut mengandungi 'mineral oil', peringkat kedua mengenal pasti sama ada ketumpatan minyak itu 'light oil' atau 'heavy oil', dan peringkat terakhir ialah proses pemprofilan bagi menentukan kategori minyak (kerosine, diesel, atau petrol).

Pesawat MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing yang membawa 227 penumpang serta 12 anak kapal, hilang daripada radar, kira-kira sejam selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, pada pukul 12.41 pagi Sabtu.

-- BERNAMA





## Media Tempatan Mula Berkumpul Di Pangkalan APMM Tok Bali

PASIR PUTEH, 10 Mac (Bernama) -- Pangkalan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Daerah Maritim 10 Tok Bali di sini menjadi tumpuan media tempatan apabila ia dijadikan satu daripada pusat mencari dan menyelamat (SAR) pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang hilang Sabtu lepas.

Tinjauan Bernama di jeti APMM di sini hari ini mendapati petugas media mula berkumpul di situ sejak 10 pagi untuk mendapatkan laporan terkini perkembangan operasi SAR.

Beberapa aset milik APMM bersiap sedia untuk digerakkan dalam operasi SAR dan pada pukul 1.30 tengah hari kelihatan sebuah kapal peronda milik APMM bergerak ke arah Laut China Selatan dipercayai untuk operasi SAR.

Semalam APMM menemui tompokan minyak di kawasan Laut China Selatan, 100 batu nautika dari pantai Tok Bali dan Ketua Pengarah APMM Laksamana Maritim Datuk Mohd Amdan Kurish berkata sampel minyak itu diambil oleh Kapal KD Amanah pada 11 pagi semalam.

Sampel minyak itu dihantar ke **Jabatan Kimia di Petaling Jaya** kerana di Kelantan dan Terengganu tidak mempunyai kemudahan untuk menganalisis minyak berkenaan.

Pesawat MH370 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada pukul 12.41 tengah malam Jumaat. Pesawat itu dijadual mendarat di Beijing pada pukul 6.30 pagi.

Mohd Amdan berkata tompokan minyak sepanjang dua kilometer itu kelihatan berlainan kerana warnanya kekuningan berbanding tompokan tumpahan minyak kapal dagang yang biasa ditemui di mana-mana perairan.

Dalam tinjauan udara yang dilakukannya petang semalam di kawasan 70 hingga 100 batu nautika dari pantai di perairan Terengganu, Kelantan dan sempadan Thailand dan Vietnam, tidak menemui apa-apa petunjuk berkaitan pesawat MH370 yang hilang itu.

-- BERNAMA



## Tompokan Di Laut China Selatan Bukan Minyak Pesawat - APMM

PASIR PUTIH, 10 Mac (Bernama) -- Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) Isnin mengesahkan tompokan minyak yang dijumpai di Laut China Selatan semalam hanyalah minyak bunker yang memang tidak digunakan oleh kapal terbang.

Ketua Penguatkuasa Wilayah Marin Timur APMM Datuk Nasir Adam berkata perkara itu disahkan hasil ujian yang dibuat **Jabatan Kimia Petaling Jaya**.

Bahan api atau minyak bunker biasa digunakan oleh sektor perkapalan.

"Saya dimaklumkan keputusan ujian minyak yang dijumpai semalam adalah negatif bukan minyak kapal terbang tetapi bunker fuel," katanya pada sidang akhbar di Pangkalan APMM Daerah Maritim 10 di sini.

Semalam APMM menjumpai tompokan minyak di kawasan Laut China Selatan, 100 batu nautika dari pantai Tok Bali.

Dalam pada itu beliau berkata APMM akan meluaskan lagi kawasan mencari dan menyelamat (SAR) di Laut China Selatan selepas gagal menemui sebarang petanda dalam operasi hari ketiga meliputi kawasan seluas 1,500 batu nautika untuk mengesan pesawat MAS MH370 yang hilang Sabtu lalu.

Nasir berkata kawasan operasi yang terbahagi kepada beberapa sektor itu turut melibatkan penggunaan unit udara APMM iaitu pesawat CL415 Bombardier selain menggunakan kapal peronda KM Langkawi, KM Segantang, KM Jujur, KM Sebatik dan KM Amanah.

"Operasi mencari kini sudah meliputi 7,656 batu nautika di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di Laut China Selatan yang turut melibatkan beberapa lagi pasukan SAR dari negara luar," katanya.

Pesawat MH370 dari Kuala Lumpur ke Beijing, yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang daripada radar, kira-kira sejam selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KLR pada pukul 12.41 tengah malam Jumaat dan sepatutnya dijadual tiba di Beijing pukul 6.30 pagi Sabtu.



## **Pembenihan awan akan dibuat hari ini**

**KUALA LUMPUR** - Jabatan Meteorologi akan melaksanakan pembenihan awan mulai hari ini, bagi mengatasi masalah jerebu dan kebakaran terbuka.

Ketua Pengarahnya Datuk Che Gayah Ismail berkata, ia akan dilakukan di kawasan yang mempunyai awan paling sesuai di Kedah, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

"Setakat ini kami hanya berjaya menjalankan dua operasi pembenihan awan, iaitu pada 3 dan 4 Mac. Semalam sepatutnya kami melaksanakan lagi operasi.

"Tetapi kami tangguhkan disebabkan kapal Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang digunakan terpaksa digunakan untuk operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370 yang hilang," katanya semalam.

Che Gayah berkata, dalam tempoh 24 jam bermula kelmarin sehingga pagi semalam, terdapat 545 kebakaran kecil di seluruh negara, dengan jumlah tertinggi direkodkan di Johor (95), Kedah (74), Perak (68), Selangor (67), Melaka (51) dan Pulau Pinang (44).

Menurutnya, jumlah titik panas juga meningkat dengan mendadak semalam, iaitu 110 berbanding 18 hari sebelumnya.

Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar setakat pukul 4 petang pula menunjukkan lima kawasan mencatat bacaan tidak sihat dengan bacaan tertinggi di Pelabuhan Klang (136).

Kawasan lain ialah Banting (116), Nilai (111), Putrajaya (107) dan Seremban (104).

Sementara itu, Penolong Pengurus Besar Operasi dan Kawal Selia, Lembaga Pelabuhan Klang, Kapten K. Subramanian, ketika dihubungi Bernama memaklumkan operasi di kawasan itu masih lancar walaupun sedikit terganggu pada sebelah pagi.

"Jarak penglihatan bertambah baik pada sebelah petang iaitu lebih satu batu nautika, berbanding 0.5 batu nautika pada sebelah pagi," katanya.

Beliau berkata kapal dan bot kecil tidak dibenarkan bergerak di kawasan pelabuhan sekiranya jarak penglihatan kurang daripada satu batu nautika. - Bernama

# Cloud seeding to continue

Release of water reduced as levels at dams drop further

By IDA NADIRAH  
ida@mmail.com.my

THE water levels at dams in Selangor continue to drop with no let-up in the dry weather despite the successful cloud seeding operations carried earlier last week.

Penubuhan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) director Mohd Khairi Selamat said different resources are being looked into to raise the water levels at the dams.

They include further cloud seeding operations without assistance from the Royal Malaysian Air Force (RMAF).

"We have engaged a private company to assist us with the cloud seeding operations be-

cause the RMAF has put its priority on search efforts of the missing (Malaysia Airlines) aircraft," he said.

Mohd Khairi said the company will use the flare method instead of the usual spraying of salt water practised by the RMAF.

"The cloud seeding will be carried out by the company as soon as the Meteorological Department permits and it is expected to be some time this week," he said.

He also said groundwater was pumped from a former mining pond in Bestari Jaya last week in efforts to maintain the water level at Sungai Selangor dam.

This has helped to prevent

the water level from reducing faster.

Mohd Khairi said another measure was to limit the release of raw water from two dams — from 1,900 MLD (million liters daily) to 500 MLD at Sungai Selangor dam, and from 130 MLD to 100 MLD at Klang Gates dam.

The water level at the Sungai Selangor dam stood at 41.83 per cent yesterday, down 2 per cent drop since Thursday, and the level at the Klang Gates dam was at 52.12 per cent.

Yesterday also saw the start of the third phase of water rationing covering 722,424 households and premises involving 2.9 million users in six districts in Selangor.



## Haze to remain under control if no forest fire

By LIM SU YEE  
limsuyee@mmail.com.my

THE Meteorological Department foresees that the haze situation will remain under control for the rest of the week without cloud seeding carried out.

Its director-general Alui Bahari said the haze situation will not get worse until Sunday unless forest fires take place.

"If any forest fire happens, the air quality will definitely deteriorate," he said.

Alui said forest fires in Selangor and Perak must be avoided

to ensure the air quality does not get worse.

"This means that if there is no fire, there is no haze in Kuala Lumpur and Selangor," he said.

He said dry conditions are expected to last until the middle of this month and rain is forecast after that.

The department forecasts rain in the Federal Territory on Friday, Saturday and Sunday.

The air pollutant index (API) in five areas was unhealthy as at 5pm yesterday.

The highest API readings were recorded in Port Klang at 137, Banting (118), Nilai (107) Seremban (102) and Putrajaya (106).

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 03  
TARIKH: 11 MAC 2014 (SELASA)

**Unclear horizon:**  
Blurry skies in the Bandar Utama area, Petaling Jaya.



## Unhealthy air readings recorded in five towns

**PETALING JAYA:** Unhealthy air levels have been recorded in Nilai, Seremban, Banting, Port Klang and Shah Alam.

The Malaysian Meteorological Department reported that the air pollutant index (API) recorded at 3pm yesterday showed the levels in Nilai at 112, Seremban 104, Banting 116, Port Klang 135, Putrajaya 107

and Shah Alam 101.

An API reading of between 0 and 50 is considered good, 51 to 100 moderate, 101 to 200 unhealthy, 201 to 300 very unhealthy, and 301 and above hazardous. Unhealthy API levels may lead to chest discomfort, coughs and shortness of breath.

The API readings are calculated based on five major air pollutants:

sulphur dioxide (SO<sub>2</sub>), nitrogen dioxide (NO<sub>2</sub>), ground level ozone (O<sub>3</sub>), carbon monoxide (CO) and particulate matter with a diameter below 10 micrometres (PM<sub>10</sub>).

Most of these pollutants come from various sources such as industries, motor vehicles, open burning and power generation.

The concentrations of these five

pollutants are measured in 52 air quality stations throughout Malaysia, mainly located in industrial and urban areas.

A check with the department also showed that except for isolated rain in coastal areas in Sabah, no rain is expected for the peninsula and Sarawak. It has not rained in the Klang Valley in over a week.





## Jerebu: Proses Pembenihan Awan Akan Dilaksanakan Esok

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi** akan melaksanakan pembenihan awan mulai esok bagi mengatasi masalah jerebu dan kebakaran terbuka.

**Ketua Pengarahnya Datuk Che Gayah Ismail** berkata ia akan dilakukan di kawasan yang mempunyai awan paling sesuai di Kedah, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

"Setakat ini kami hanya berjaya menjalankan dua operasi pembenihan awan, iaitu pada 3 dan 4 Mac. Semalam dan hari ini sepatutnya kami melaksanakan lagi operasi.

"Tetapi kami tangguhkan disebabkan kapal Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang digunakan terpaksa digunakan untuk operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370 yang hilang," katanya ketika dihubungi Bernama Isnin.

Che Gayah berkata dalam tempoh 24 jam bermula semalam sehingga pagi ini, terdapat 545 kebakaran kecil di seluruh negara, dengan jumlah tertinggi direkodkan di Johor (95), Kedah (74), Perak (68), Selangor (67), Melaka (51) dan Pulau Pinang (44).

Che Gayah berkata jumlah titik panas juga meningkat dengan mendadak semalam, iaitu 110 berbanding 18 hari sebelumnya.

Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar setakat pukul 4 petang pula menunjukkan lima kawasan mencatat bacaan tidak sihat dengan bacaan tertinggi di Pelabuhan Klang (136).

Kawasan lain ialah Banting (116), Nilai (111), Putrajaya (107) dan Seremban (104).

Sementara itu, Penolong Pengurus Besar Operasi dan Kawal Selia, Lembaga Pelabuhan Klang, Kapten K. Subramanian, ketika dihubungi Bernama memaklumkan operasi di kawasan itu masih lancar walaupun sedikit terganggu pada sebelah pagi.

"Jarak penglihatan bertambah baik pada sebelah petang iaitu lebih satu batu nautika, berbanding 0.5 batu nautika pada sebelah pagi," katanya.

Beliau berkata kapal dan bot kecil tidak dibenarkan bergerak di kawasan pelabuhan sekiranya jarak penglihatan kurang daripada satu batu nautika.

-- BERNAMA



## Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Rabu Ini

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut dan laut bergelora dijangka melanda perairan Sarawak (Miri), Wilayah Persekutuan Labuan serta Sabah (pantai barat dan Kudat) dan dijangka berterusan hingga Rabu, 12 Mac.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan di sini Isnin berkata keadaan angin dengan kelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak melebihi 3.5m itu berbahaya kepada semua bot kecil, rekreasi laut dan aktiviti sukan laut.

Pada masa sama, keadaan angin kencang dan laut bergelora diramal turut melanda Sarawak (Miri), Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah (pantai barat dan Kudat) daerah Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan.


Kenyataan itu menyebut amaran ketampakan rendah turut dilaporkan berlaku di perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Selat Melaka Utara dan Selat Melaka Selatan disebabkan jerebu.

"Ketampakan rendah kurang dari lima kilometer dijangka berterusan sehingga Rabu ini. Keadaan ini berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 38  
TARIKH: 10 MAC 2014 (SELASA)



NAJIB mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di Parlimen, semalam. Turut hadir Muhyiddin (kiri) dan Wahid.

# Bantu syarikat Bumiputera

## ■ Kerajaan umum dana bernilai RM200 juta kembang operasi

Oleh Hairulazim Mahmud  
azim@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**K**erajaan semalam mengumumkan Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (BEF) sebanyak RM200 juta bagi membantu syarikat Bumiputera berteraskan teknologi untuk mengembangkan operasi perniagaan di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, sebagai permulaan sebanyak RM25 juta diperuntukkan kepada syarikat yang layak.

"Dana BEF yang diperun-

“Dana BEF menyediakan pinjaman bersifat fleksibel tanpa cagaran selama enam tahun dengan bayaran balik bermula pada tahun kedua selepas pinjaman dikeluarkan”

Najib Razak

tukkan kepada Unit Penerimaan Agenda Bumiputera (TERAJU) itu akan diken-

dalikan oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC),” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di Bangunan Parlimen di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Najib berkata, dana BEF itu menyediakan pinjaman bersifat fleksibel tanpa cagaran selama enam tahun dengan bayaran balik bermula pada tahun kedua selepas pinjaman dikeluarkan.

Beliau berkata, syarat utama setiap projek yang dicadangkan mesti mempunyai prospek keuntungan dan kertas cadangan perlu tertumpu kepada aktiviti pengembangan perniagaan.

Sementara itu Najib berkata, Dana Mudahcara dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion sudah diagihkan kepada syarikat Bumiputera sebanyak RM1.4 bilion sehingga bulan lalu.

“Ia memabitkan 132 projek kerjasama Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), TERAJU dan wilayah ekonomi memabitkan pelaburan swasta sebanyak

RM15.12 bilion dalam sektor seperti minyak, gas dan tenaga, pembangunan hartanah/pembinaan serta pemborongan dan peruncitan,” katanya.

Dalam perkembangan sama beliau turut mengumumkan tujuh syarikat Bumiputera yang akan menerima geran Dana Mudahcara itu.

Katanya, syarikat berkeuntungan adalah Grand Ten Holdings Sdn Bhd, PEPS-JV (M) Sdn Bhd, Dimension Bid Sdn Bhd, Faiza Marketing Sdn Bhd, Mansalin Education Sdn Bhd, Al Ameen Development Sdn Bhd dan Majpadu Bricks Sdn Bhd.



# RM200 juta bantu syarikat Bumiputera

» Dana galak firma berteras teknologi perluas perniagaan

Oleh Mohd Hamizar Hamid,  
Faiza Zainudin  
dan Fairuz Zaidan  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera sebanyak RM200 juta untuk membantu syarikat Bumiputera berteraskan teknologi memperluas perniagaan di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata

buat permulaan, dana sebanyak RM25 juta diperuntukkan kepada Unit Peneraju Agensi Bumiputera (TERAJU), dan akan dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

## Pinjaman fleksibel

"Dana ini menyediakan pinjaman bersifat fleksibel, tanpa cagaran dan tempoh bayaran balik enam tahun bermula pada tahun kedua selepas pembiayaan dikeluarkan.

"Namun begitu, setiap projek yang dicadangkan perlu mempunyai prospek keuntungan dan kertas cadangan mestilah tertumpu kepada aktiviti pengembangan perniagaan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), di Parlimen, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Sementara itu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata Dana Mudahcara dengan peruntukan RM2 bilion sudah diagihkan kepada syarikat Bu-

“**Dana ini menyediakan pinjaman bersifat fleksibel, tanpa cagaran dan tempoh bayaran balik enam tahun bermula pada tahun kedua selepas pembiayaan dikeluarkan**”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

miputera sebanyak RM1.4 bilion sehingga bulan lalu.

"Ia membabitkan 132 projek Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), TERAJU dan wilayah ekonomi membabitkan pelaburan swasta sebanyak RM15.12 bilion dalam sektor seperti minyak, gas dan tenaga, pembangunan hartanah/pembinaan serta pemborongan dan peruncitan," katanya.

## Syarikat berteras teknologi

Najib berkata, sektor perniagaan yang layak menerima pembiayaan itu terdiri daripada perniagaan berasaskan teknologi dalam bidang Bioteknologi, Teknologi Hijau, Minyak dan Gas, Elektrik dan Elektronik, Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT), Teknologi Nano dan Teknologi Makanan.

Dalam pada itu Najib turut mengumumkan tujuh syarikat Bumiputera yang bakal menerima geran Dana Mudahcara itu.

Katanya syarikat berkenaan adalah Grand Ten Holdings Sdn Bhd, PEPS-JV (M) Sdn Bhd, Dimension Bid Sdn Bhd, Faiza Marketing Sdn Bhd, Mansalin Education Sdn Bhd, Al Ameen Development Sdn Bhd dan Majpadu Bricks Sdn Bhd.





## PM Najib Umum Dana RM200 Juta Bantu Syarikat Bumiputera

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak Isnin mengumumkan Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera sebanyak RM200 juta untuk membantu syarikat Bumiputera berteraskan teknologi memperluas perniagaan di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata buat permulaan, dana sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan kepada Unit Peneraju Agensi Bumiputera (TERAJU), dan akan dikendalikan oleh **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)**.

"Dana ini menyediakan pinjaman bersifat fleksibel, tanpa cagaran dan tempoh bayaran balik enam tahun bermula pada tahun kedua selepas pembiayaan dikeluarkan.

"Namun begitu, setiap projek yang dicadangkan perlu mempunyai prospek keuntungan, dan kertas cadangan mestilah tertumpu kepada aktiviti pengembangan perniagaan," katanya.

Najib berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), di Parlimen Isnin.

Najib berkata sektor perniagaan yang layak menerima pembiayaan ini terdiri daripada perniagaan berasaskan teknologi dalam bidang Bioteknologi, Teknologi Hijau, Minyak dan Gas, Elektrik dan Elektronik, Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT), Teknologi Nano dan Teknologi Makanan.

Perdana Menteri turut mengumumkan tujuh lagi syarikat Bumiputera akan menerima geran Dana Mudahcara berjumlah hampir RM20juta untuk melaksanakan pelbagai projek.

"Ia terdiri daripada Grand Ten Holdings Sdn Bhd, PEPS-JV (M) Sdn Bhd, Dimension Bid Sdn Bhd, Faiza Marketing Sdn Bhd, Mansalin Education Sdn Bhd, Al Ameen Development Sdn Bhd dan Majpadu Bricks Sdn Bhd."

"Syarikat-syarikat ini sudah menandatangani perjanjian bersama TERAJU bagi melaksanakan projek yang dicadangkan, yang dijangka menarik keseluruhan pelaburan swasta berjumlah RM128.7 juta dan berupaya mewujudkan hampir 700 peluang pekerjaan.

"Saya berharap dengan adanya kemudahan geran Dana Mudahcara ini, ada banyak lagi syarikat Bumiputera tampil ke hadapan untuk melaksanakan projek berimpak tinggi serta berpotensi besar yang mampu menjana ekonomi negara, seterusnya memberi manfaat kepada rakyat terutama dalam bidang pekerjaan," katanya.

Dana Mudahcara yang diperkenalkan pada Ogos 2012 dengan peruntukan RM2 bilion, merupakan geran untuk membiayai sehingga 15 peratus keseluruhan kos projek bernilai sekurang-kurangnya RM5 juta, dan mempunyai komponen infrastruktur, jentera dan peralatan.

Najib berkata sehingga Februari tahun ini, Dana Mudahcara meluluskan RM1.4 bilion untuk 132 projek melalui kerjasama Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), TERAJU dan wilayah-wilayah ekonomi.

Menurutnya ia melibatkan jumlah pelaburan swasta sebanyak RM15.12 bilion dalam sektor seperti minyak, gas & tenaga, pembangunan hartanah, pembinaan dan pemborongan serta peruncitan.

Katanya melalui program Dana Mudahcara yang disediakan TERAJU ini, syarikat Bumiputera yang terlibat dijangka menyediakan lebih daripada 23,000 peluang pekerjaan baharu kepada rakyat di negara ini.

Najib berkata setiap inisiatif yang diumumkan itu mencerminkan keprihatinan dan usaha berterusan oleh kerajaan untuk menekankan pemerkasaan agenda Bumiputera sebagai agenda nasional yang penting.

"Saya yakin, langkah-langkah baharu dan sinergi antara agensi kerajaan ini akan memanfaatkan usahawan Bumiputera untuk meningkatkan lagi perniagaan mereka," katanya.

-- BERNAMA




**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (MEGA MODE) : MUKA SURAT 06  
TARIKH: 11 MAC 2014 (SELASA)**

➤ MegaMode



DR. Kamariah bersama sebahagian sijil dan pengiktirafan yang diraihinya.



DUNIA penyelidikan sudah sebat dalam hidup Dr. Kamariah.

## Wanita minat jadi saintis

PERKEMBANGAN industri kajian bioteknologi di Malaysia sekarang ini cukup membanggakan, kerana kesan daripada perkembangan tersebut menunjukkan semakin ramai golongan wanita berminat menceburi bidang berkenaan.

Dr. Kamariah Long berkata, kejayaan seseorang wanita dalam setiap bidang yang diceburinya itu perlu berpaksikan pada minat yang mendalam dan sokongan insan tersayang.

"Nak jadi saintis ini bukan bidang yang popular macam jadi artis tetapi para wanita harus ingat bahawa untuk menjadi seseorang penyelidik ia memerlukan komitmen yang sangat tinggi.

"Saya lihat wanita makin ramai jadi penyelidik, mereka ini lebih teliti dalam setiap kajian tetapi saya lebih suka jika saintis wanita dan lelaki bergabung idea kerana kedua-dua gender ini mempunyai ketajaman idea yang berbeza. Kedua-duanya diperlukan untuk melakukan kajian yang boleh memberi impak positif dan meluas kepada masyarakat," katanya.



Gambar SHEFFRY MONIZ

DR. Kamariah Long (tengah) bersama rakan penyelidik Mardi, Dr. Suri Roowi dan Dr. Teoh Teoh Chin Chuang (kanan) meraih kejayaan dalam penyelidikan bersama Mardi.

UNIKNYA, walau seberat mana beban dipikul, sehebat mana ujian mendatang, golongan ini tetap gagah mengerah kudrat meluaskan segala tanggungjawab mereka demi cita-cita dan untuk insan tersayang.

Perkara sama dilakukan oleh Dr. Kamariah Long, 55, yang gagah mengejar cita-cita sebagai saintis tetapi dalam masa sama tidak lepas pandang menunaikan kewajipannya sebagai seorang isteri dan ibu.

Suka duka yang diharungi anak kelahiran Tangkak, Johor ini, sepanjang perjalanan mengejar impian bergelar saintis, seakan terubat. Penat-lelahnya bergelulang selama 30 tahun dalam makmal di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Serdang, Selangor, sebagai penyelidik dalam bidang bioteknologi sudah menampakkan hasil.

## Minat benda hidup

Dr. Kamariah berkata, ketika di bangku sekolah lagi beliau tidak pernah memasang angan-angan untuk bergelar saintis, sebaliknya cita-citanya lebih terarah kepada bidang perubatan dan ingin bergelar doktor.

"Bapa saya seorang anggota polis jadi kami sekeluarga kerap berpindah dan semasa di tingkatan tiga saya belajar di sekolah teknik di Pahang dalam bidang yang berkaitan dengan bangunan dan pembinaan.

"Selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya mendapat keputusan cemerlang, namun ketika itu saya ibarat terperangkap dalam dilema untuk memilih kursus yang sesuai dengan minat dan kecenderungan saya yang sebenar,"

katanya.

Dr. Kamariah berkata, lama-kelamaan beliau menyedari bahawa beliau merupakan seorang individu yang sangat berminat untuk bekerja dalam bidang yang melibatkan benda-benda hidup.

Katanya lagi, ketika itu beliau melihat pemilihan kursus pembinaan (arkitek) bukanlah satu bidang yang kena pada jiwanya, meskipun ibu kepada empat orang cahaya mata ini gemar melukis,

"Saya sedar yang minat saya lebih kepada benda hidup dan bukannya buat bangunan yang memerlukan kita bekerja dengan material melibatkan kayu, simen dan bata.

"Dengan penuh tekad, saya pilih untuk memasuki program asasi sains di Universiti Malaya, dan berjaya mendapat tawaran di universiti berkenaan dalam bidang biologi," ujarnya.

Katanya berada di tahun kedua pengajian, beliau sedar minatnya lebih terarah kepada benda hidup yang sifatnya halus dan seni seperti mikro dan fungus yang berkait rapat dengan penyakit.

## Jatuh bangun

Memulakan kerjaya sebagai seorang saintis di MARDI pada tahun 1984, bukan sedikit cabaran, suka dan duka yang terpaksa ditempuhi Dr. Kamariah dengan menjadikan makmal bagaikan rumah kedua sepanjang 30 tahun lalu.

Katanya, sebagai manusia yang tidak sempurna, sudah pasti beliau sendiri tidak terlepas daripada melakukan kesalahan hingga mengakibatkan kajian dan penyelidikan yang dijalankan menemui kegagalan.

"Di awal penglibatan saya dalam kajian, saya masih muda banyak buat salah kerana pada zaman itu tidak ada orang yang memberi panduan kepada saya tentang proses kajian daripada awal hingga akhir.

"Sepuluh tahun pertama semuanya saya lakukan sendiri dan boleh dikatakan saya sudah banyak kali 'langgar dinding',



**SAMBUNGAN...**  
**UTUSAN MALAYSIA (MEGA MODE) : MUKA SURAT 07**  
**TARIKH: 11 MAC 2014 (SELASA)**

 **Anugerah yang pernah disandang:**

- Anugerah Pingat Perak, Invention and Innovation (2013)
- Anugerah Top Research Scientist Malaysia, Akademi Sains Malaysia (2012)
- Anugerah Saintis Berjaya Mardi (2007)
- Sijil Anugerah Woman Inventor of The Year by International Federation Inventors Association Organized (2006)
- Sijil Pencapaian daripada American Oils Chemists (1997)

tetapi apabila saya gagal saya bangkit kembali buat penambahbaikan dengan meningkatkan pembacaan, pergi berjumpa dengan pihak industri dan sebagainya. Syukur ketika kerjaya saya memasuki tahun ke-12 saya sudah boleh nampak hasilnya," katanya.

Antara hasil penyelidikan yang boleh dianggap paling berjaya adalah berkaitan minyak kelapa dara yang mempunyai nilai tambah (EVCO), di mana paten produk berkenaan telah berjaya difailkan ke 11 negara termasuk Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom, Jepun, Indonesia, Filipina, dan India.

Lebih manis, Dr. Kamariah juga telah berjaya merangkul hampir 40 anugerah berkaitan dengan kajian dan penyelidikan dalam bioteknologi dari dalam dan luar negara.

**Antara Keluarga dan Kerjaya**

Dr. Kamariah yang kini memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Program Bio-Pemprosesan dan Pegawai Penyelidik Prinsipal Kanan, Mardi dengan rendah hati mengakui rahsia di sebalik kejayaannya hari ini adalah berkat sokongan suami, Mohd. Issak Adni, 57, yang tidak lokek bertolak ansur dalam pengurusan masa dan memahami bidang kerjayanya.

"Suami saya adalah lelaki yang hebat kerana segala kepayahan dan suka duka saya beliau ada bersama. Paling saya ingat adalah pengorbanannya yang sanggup mengambil-alih tanggungjawab sebagai isteri selama setahun menjaga empat anak kami ketika saya melanjutkan pelajaran di Universiti Westminster, di London pada tahun 1995.

"Bayangkan jika suami tidak memahami sudah pasti perjalanan karier saya tidak akan boleh sejauh ini. Hanya tuhan sahaja yang tahu bagaimana perasaan ini kerana pada ketika itu tiada internet untuk berhubung dengan mudah seperti sekarang," katanya.

Dr. Kamariah yang berdarah kacukan Cina di sebelah ibu juga memberitahu, dalam kesibukan mengejar kepuasan kerja, beliau sentiasa menjadikan suami dan keluarga sebagai keutamaan.

Beliau juga tidak mudah alpa dengan kejayaan dan pangkat yang disandangnya. -  
**NORAZLINA ISMAIL**